

**KEDAH 2022 – PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

Encik Don, usahawan milikan tunggal menjalankan perniagaan Boutique Forever di Ayer@8 Precinct 8 Putrajaya.

Berikut ialah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku-buku perniagaan bagi tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2022

	<b>1 Julai 2021 (RM)</b>	<b>30 Jun 2022 (RM)</b>
Modal	98 471	98 471
Inventori	31 000	?
Peruntukan Hutang Ragu	400	325
Pinjaman (matang pada 30 Jun 2025)	16 000	12 000
Premis (kos)	250 000	250 000
Kenderaan (kos)	80 000	80 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	32 000	?
Lengkapan (kos)	50 000	56 000
Susut nilai terkumpulengkapan	15 000	?
Akaun Belum Terima		16 250
Akaun Belum Bayar		7 650
Bank		15 508
Tunai runcit		350
Belian		322 560
Jualan		650 034
Pulangan masuk		1 250
Angkutan masuk		4 500
Insurans kedai		3 000
Gaji		24 383
Komisen diterima		5 372
Diskaun diberi		1 260
Sewa diterima		2 600
Ambilan		14 746
Faedah atas pinjaman		880
Utiliti		1 840

**Maklumat tambahan :**

(i) Inventori pada 30 Jun 2022:

	Produk			Jumlah
	A	B	C	
Harga kos	9 850	9 920	12 980	32 750
Harga pasaran	10 252	8 346	12 999	31 597

- (ii) Komisen RM456 yang telah diterima untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada bulan Julai 2022.
- (iii) Ambilan barang niaga RM580 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Insurans atas belian RM620 tersalah rekod sebagai insurans kedai.
- (v) Lengkapan baru dibeli pada 31 Mac 2022.
- (vi) Susut nilai aset bukan semasa:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Premis	Tiada	Tiada
Lengkapan	20% setahun	Garis Lurus
Kenderaan	15% setahun	Baki Berkurangan

(vii) Pinjaman dikenakan faedah 6% setahun berdasarkan baki awal tempoh perakaunan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022

**Fahami keratan soalan:**

	1 Julai 2021 (RM)	30 Jun 2022 (RM)
Modal	98 471	98 471
Inventori	31 000	?
Peruntukan Hutang Ragu	400	325
Pinjaman (matang pada 30 Jun 2025)	16 000	12 000
Premis (kos)	250 000	250 000
Kenderaan (kos)	80 000	80 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	32 000	?
Lengkapan (kos)	50 000	56 000
Susut nilai terkumpul lengkapan	15 000	?

Tiada perubahan pada angka modal pada awal dan akhir tahun.

Inventori akhir perlu dikira dengan merujuk maklumat tambahan (i).

PHR pada 1 Julai 2021 sebanyak RM400 telah berkurang kepada RM325 pada 30 Jun 2022, iaitu pengurangan sebanyak RM75. Angka RM75 akan direkod sebagai hasil dalam Akaun Untung Rugi, manakala angka di dalam Penyata Kedudukan Kewangan ialah RM325.

Tiada perubahan pada harga kos kenderaan. Namun untuk lengkapan, berlaku pembelian lengkapan baru bernilai RM6 000 (56 000 – 50 000). Rujuk maklumat tambahan (v).

Angka akhir untuk SNT perlu dikira dengan merujuk maklumat tambahan (vi) untuk dimasukkan dalam PKK (SNT ID + BSN).

Baki pinjaman pada awal tahun ialah RM16 000 dan telah berkurang kepada RM12 000 menunjukkan bayaran balik setahun ialah RM4 000.

**HURAIAN MAKLUMAT TAMBAHAN:**

(i) Inventori pada 30 Jun 2022:

	Produk			Jumlah
	A	B	C	
Harga kos	9 850	9 920	12 980	32 750
Harga pasaran	10 252	8 346	12 999	31 597

**PENERANGAN:** Terdapat tiga jenis produk. Pilih nilai terendah untuk setiap produk dan jumlahkan untuk mendapatkan nilai inventori akhir. Jadi Produk A RM9 850 + Produk B RM8 346 + Produk C RM12 980 = **RM31 176** di dalam Akaun Perdagangan dan Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Komisen RM456 yang telah diterima untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada bulan Julai 2022.

**PENERANGAN:** Komisen RM456 dinyatakan telah diterima untuk bulan Julai 2022, iaitu di luar tempoh perakaunan soalan (tempoh perakaunan tamat pada 30 Jun 2022). Jadi komisen belum terperoleh ini perlu ditolak daripada jumlah komisen seperti berikut:

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
<u>Hasil</u> Komisen = RM5 372 – RM456 = RM4 916	<u>Liabiliti Semasa</u> Komisen belum terperoleh RM456

(iii) Ambilan barang niaga RM580 belum direkodkan dalam mana-mana buku.

**PENERANGAN:** Ambilan bertambah dan Belian akan berkurang dengan nilai RM580. (ambilan barang niaga akan sentiasa mengurangkan jumlah Belian)

Akaun Perdagangan	Penyata Kedudukan Kewangan
<u>Kos Jualan</u> Belian = RM322 560 – RM580 = RM321 980	<u>Ekuiti Pemilik</u> Ambilan = RM14 746 + RM580 = RM15 326

(iv) Insurans atas belian RM620 tersalah rekod sebagai insurans kedai.

**PENERANGAN:** Insurans kedai akan ditolak dan akan diwujudkan Insurans atas belian dengan nilai RM620. Insurans atas belian adalah salah satu item AUDI dan perlu diasingkan daripada Insurans kedai.

Akaun Perdagangan & Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
<u>Kos Jualan</u> Insurans atas belian RM620	Tiada kesan
<u>Belanja</u> Insurans kedai = RM3 000 – RM620 = RM2 380	

(v) Lengkapan baru dibeli pada 31 Mac 2022.

(vi) Susut nilai aset bukan semasa:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Premis	Tiada	Tiada
Lengkapan	20% setahun	Garis Lurus
Kenderaan	15% setahun	Baki Berkurangan

**PENERANGAN:** Kedua-dua maklumat tambahan ini perlu dibaca bersama. Lengkapan baru bernilai RM6 000 dibeli pada 31 Mac 2022 bermaksud ia hanya akan disusut nilaikan untuk **tiga bulan** sahaja (secara berasingan daripada lengkapan lama RM50 000).

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
<p><b>Belanja</b></p> <p>Susut nilai Lengkapan            = % SN x Kos            = SN Lengkapan lama + SN Lengkapan baru            = (20% x RM50 000) + (20% x RM6 000 x 3/12)            = RM10 000 + RM300            = RM10 300</p> <p>Susut nilai Kenderaan            = %SN x (Kos – SNT)            = 15% x (RM80 000 – RM32 000)            = RM7 200</p>	<p><b>Aset Bukan Semasa</b></p> <p>Susut nilai terkumpul Lengkapan            = RM15 000 + RM10 300            = RM25 300</p> <p>Susut nilai terkumpul Kenderaan            = RM32 000 + RM7 200            = RM39 200</p>

(vii) Pinjaman dikenakan faedah 6% setahun berdasarkan baki awal tempoh perakaunan.

**PENERANGAN:** Untuk pengiraan faedah pinjaman setahun, 6% akan didarabkan dengan baki awal pinjaman RM16 000 untuk mendapatkan belanja sebenar iaitu RM960. Di dalam Imbangan Duga juga telah tercatat faedah atas pinjaman sudah dibayar iaitu RM880, jadi terdapat pelarasan belum bayar di dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti berikut:

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
<p><b>Belanja</b></p> <p>Faedah atas pinjaman = 6% x RM16 000            = RM960</p>	<p><b>Liabiliti Semasa</b></p> <p>Faedah atas pinjaman belum bayar            = RM960 – RM880            = RM80</p>

**Nota 1:** Persembahan Pinjaman dalam Penyata Kedudukan Kewangan

**PENERANGAN:** Pinjaman berbaki RM12 000 pada 30 Jun 2022 dan diketahui bayaran balik setahun adalah RM4 000 (RM16 000 – RM12 000). Oleh itu pinjaman ditunjukkan seperti berikut:

<p><b>Penyata Kedudukan Kewangan</b></p> <p><b>Liabiliti Semasa</b>            Pinjaman RM4 000</p> <p><b>Liabiliti Bukan Semasa</b>            Pinjaman = RM12 000 – RM4 000            = RM8 000</p>	<p>Daripada jumlah RM12 000 baki pinjaman, sebanyak RM4 000 perlu dijelaskan dalam masa setahun. Bahagian ini akan direkodkan sebagai Liabiliti Semasa. Manakala baki RM8 000 akan dijelaskan dalam tempoh melebihi setahun dan akan direkod sebagai Liabiliti Bukan Semasa.</p>
--	--



<b>Boutique Forever</b>			
<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022</b>			
	RM	RM	RM
<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	<b>Kos</b>	<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Nilai Buku</b>
Premis	250 000		250 000
Kenderaan	80 000	39 200	40 800
Lengkapan	56 000	25 300	30 700
			321 500
<b><u>Aset Semasa</u></b>			
Inventori akhir		31 176	
Akaun Belum Terima	16 250		
(-) Peruntukan hutang ragu	325		
		15 925	
Bank		15 508	
Tunai		350	
		62 959	(+)
<b><u>TOLAK: Liabiliti Semasa</u></b>			
Akaun Belum Bayar	7 650		
Komisen belum terperoleh	456	(-)	
Faedah atas pinjaman belum bayar (960 – 880)	80		
Pinjaman (16 000 – 12 000)	4 000		
		12 186	
Modal kerja (AS – LS)			50 773
			372 273
<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>			
Modal awal			98 471
(+) Untung bersih			281 128
			379 599
(-) Ambilan (14 746 + 580)			15 326
Modal akhir			364 273
			(+)
<b><u>Liabiliti Bukan Semasa</u></b>			
Pinjaman (12 000 – 4 000)			8 000
			372 273

Rujuk MT (v) dan (vi)

Rujuk MT (ii)

Rujuk MT (vii)

Rujuk Nota 1

Rujuk MT (iii)

Rujuk Nota 1

**Jawapan alternatif Akaun Perdagangan untuk murid GALUS / SEDERHANA****Jawapan item minimum**

Fahami bahawa jawapan ini tidak tepat, tetapi boleh digunakan untuk membantu murid GALUS menyelesaikan bahagian Akaun Perdagangan dan mendapat markah minimum.

<b>Boutique Forever</b>			
<b>Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022</b>			
	RM	RM	RM
Jualan			650 034
(-) Pulangan masuk			1 250
			648 784
<b><u>TOLAK: Kos Jualan</u></b>			
Inventori awal		31 000	(-)
(+) Belian		✗ 322 560	
(-) Inventori akhir		31 176	
Kos Jualan			322 384
Untung Kasar			326 400

Masukkan item minimum KJ iaitu Inventori awal, Belian dan Inventori akhir sahaja.

Layak markah

**Jawapan Kos Jualan satu lajur**

Jawapan lebih lengkap, tetapi bagi murid yang sentiasa keliru dengan penggunaan lajur, boleh menggunakan kerangka jawapan di bawah untuk mendapatkan lebih markah.

<b>Boutique Forever</b>			
<b>Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022</b>			
	RM	RM	RM
Jualan			650 034
(-) Pulangan masuk			1 250
			648 784
<b><u>TOLAK: Kos Jualan</u></b>			
Inventori awal		31 000	
(+) Belian (322 560 – 580)		321 980	
(+) Angkutan masuk		4 500	(-)
(+) Insurans atas belian		620	
(-) Inventori akhir		31 176	
Kos Jualan			326 924
Untung Kasar			321 860

Masukkan angka item KJ dalam satu lajur sahaja dan pastikan pengiraan item + atau – dibuat dengan betul.